

DIPLOMA PENGURUSAN BANK  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KM. 26, JALAN LENDU  
ALOR GAJAH  
MELAKA

LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN  
ASAS KEUSAHAWANAN  
(ETR 300)

## ALYZAR SCARF MANUFACTURE

DI ALAMAT :

LOT 4 KM 1613-KM 1626  
KAWASAN INDUSTRI RINGAN PAYA DATUK KELEMAK  
78000 ALOR GAJAH  
MELAKA

DISEDIAKAN UNTUK :

EN. SIIAMSUDIN BIN HUSSIN  
PENSYARAH ETR 300  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN OLEH:

ABDUL RAIHMAN BIN SALEH	95749707
AZHAM BIN OTHMAN	95644399
AZILA BINTI MOIID AZIZ	95661244
HARLINA BINTI SIDEK	95439026
LILIWATY BINTI ABDUL RAIHMAN	95354383
MOHD ZARR BIN NOH	95211022

DIPLOMA PENGURUSAN BANK (5A)  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

**ISI KANDUNGAN**

	<b>MUKASURAT</b>
SURAT PENYERAHAN	ii
SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG	iv
SURAT PENGHARGAAN	v
SURAT PERJANJIAN RAKAN KONGSI	vi
SURAT PERJANJIAN PERNIAGAAN	ix
LOGO	xii
<b>BADAN UTAMA</b>	
1.0 PENGENALAN	2
2.0 TUJUAN	4
3.0 LATARBELAKANG PERNIAGAAN	5
4.0 LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	8
5.0 LATARBELAKANG SYARIKAT	14
6.0 RANCANGAN PEMASARAN	15
6.1 ANALISIS PEMASARAN	16
6.1.1 BENTUK PASARAN	16
6.1.2 SASARAN PASARAN	17
6.1.3 SAIZ PASARAN	17
6.1.4 BARANGAN	18
6.1.5 PELANGGAN	18
6.1.6 PERSAINGAN	19
KEKUATAN PESAING	19
KELEMAHAN PESAING	20
6.2 RAMALAN JUALAN	20
6.3 RANCANGAN PEMASARAN	21
6.3.1 STRATEGI PEMASARAN SECARA KESELURUHAN	21
6.3.2 STRATEGI BARANGAN	22
6.3.3 STRATEGI HARGA	23
6.3.4 STRATEGI PENGEDARAN	23
6.3.5 STRATEGI PROMOSI	24
6.3.6 BELANJA PEMASARAN	24

## ***1.0 Pengenalan***

Keusahawanan begitu asing kepada kita sehingga selepas Merdeka. Bermula pada pertengahan tahun 1997 menyedari kepincangan orang melayu yang mundur dalam bidang ekonomi khususnya perniagaan dan perdagangan dibandingkan dengan orang cina. Oleh itu melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerajaan telah menyediakan orang ramai khususnya kaum bumiputera tentang pentingnya bidang keusahawanan ini.

Sesungguhnya menjalankan aktiviti keusahawanan adalah fardu kifayah iaitu jika tiada umat Islam yang terlibat dalam bidang ini maka seluruh umat Islam akan berdosa. Sektor pembuatan merupakan satu bidang perniagaan yang kurang diceburi dengan sepenuhnya oleh kaum bumiputera. Masih ramai yang tidak mengetahui prospek perniagaan ini secara mendalam. Menyedari hakikat ini, maka timbulah idea dalam fikiran kami untuk menerajui bidang pembuatan ini.

Justeru itu, selaras dengan seruan kerajaan dalam menjayakan wawasan 2020 dan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), kami mengambil inisiatif untuk menceburi sektor pembuatan ini dan memperolehi pulangan yang lumayan.

## *Alyzar Scarf Manufacture*

Alyzar Scarf Manufacture merupakan sebuah perkongsian diantara 6 ahli kongsi yang berjanji akan memberikan kepuasan yang maksimum serta menepati citarasa masa kini.

Kami yakin perkongsian ini akan mencapai matlamat yang dirancang memandangkan potensi untuk berjaya dalam perniagaan ini amatlah cerah. Galakan dari kerajaan menambahkan lagi keyakinan dan kesungguhan kami untuk maju dengan bersaing dalam bidang pembuatan ini. Dan ditambah dengan lokasi perniagaan yang amat strategik iaitu berdaya saing , berdaya tahan dan berdaya maju .

Insyaallah .

**EZR 300**

## **2.0 Tujuan**

Rancangan Perniagaan adalah satu kertas kerja atau dokumen bertulis di mana ia menjelaskan secara menyeluruh tentang perniagaan atau projek yang hendak ditubuhkan. Ia memberikan kita satu gambaran yang jelas tentang matlamat dan objektif projek perniagaan tersebut dan garis panduan untuk mencapai matlamat tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan.

Matlamat ini penting kepada beberapa pihak yang terlibat seperti institusi kewangan, pemegang saham bank dan juga pelanggan. Kajian yang terperinci dapat dijalankan melalui sesebuah rancangan perniagaan bagi mengetahui samada perniagaan tersebut berdaya maju atau sebaliknya.

Alyzar Scarf Manufacture telah menyediakan rancangan perniagaan yang mempunyai tujuannya yang tersendiri iaitu dengan menghasilkan "Tudung Renda Bermanik" yang eksklusif dan bermutu tinggi. Ini merupakan satu gabungan diantara tudung renda dan tudung manik. Semoga dengan penghasilan tudung ini akan lebih meningkatkan lagi daya usaha bumiputera di Malaysia serta menaikkan taraf umat islam.